

20/01/2001

Halimah gembira pelantikan Shahrizat

BATU PAHAT, Jumaat - Pelantikan Ahli Parlimen Lembah Pantai, Datuk Shahrizat Jalil sebagai Menteri Hal Ehwal Wanita membuktikan peranan wanita sebagai ejen dalam membentuk pembangunan negara selama ini mendapat pengiktirafan kerajaan.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Keluarga, Hal Ehwal Wanita dan Kesihatan Johor, Halimah Mohd Sadique, berkata perkembangan itu juga menunjukkan kepentingan wanita di negara ini tidak pernah dipinggirkan.

"Saya mewakili semua wanita di Johor amat gembira dengan pelantikan Shahrizat dan pembentukan kementerian menjaga hal ehwal wanita. Kami berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan.

"Sebenarnya, kementerian seperti ini sudah lama ditunggu kerana ia bukan sahaja bertanggungjawab menjaga kepentingan wanita, malah institusi keluarga itu sendiri," katanya selepas majlis sambutan Aidilfitri bersama masyarakat Orang Asli di Kampung Bumiputera Dalam, Rengit, dekat sini hari ini.

Menurutnya, penubuhan kementerian berkenaan akan dapat memastikan segala permasalahan berkaitan wanita diberikan keutamaan serta diatasi sebaik mungkin.

Pelantikan Shahrizat, 48, yang sebelum ini memegang jawatan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang menjaga Bahagian Hal Ehwal Wanita, diumumkan Rabu lalu.

(END)